

(FOTO AHMAD IRHAM MOHD NOOR/BH)

TRAGEDI

Saudara tak dapat lupa senyuman comel Yuan Bin

Sepang: "Saya tidak dapat lupakan senyuman (Chia) Yuan Bin, yang sangat indah. Senyuman itu akan saya ingat sampai bila-bila," kata ahli keluarga kepada empat mangsa yang dipercayai dibunuh dan dibakar di Tanjung Sepat, semalam.

Lelaki itu yang juga datuk saudara kepada dua kanak-kanak yang maut, berkata cucu saudaranya itu sudah lama tinggal bersama abang iparnya, Chia Tee Nang, 73, dan isteri, Lim Mai Shak, 68, serta seorang lagi cucu, Ryan Chia Zeng Xi, 10.

"Isnin lalu saya lalu di depan rumah Tee Nang, namun hanya bunyikan hon kereta dan lambai tangan ke arahnya. Tak sangka itu kali terakhir saya melihatnya, agak terkilan tidak dapat bertegur sapa dengan mereka," katanya.

Beliau yang ditemui di lokasi kejadian, berkata hubungannya dengan semua mangsa agak rapat dan pada mulanya, hanya menyangka rumah mereka yang terbakar.

"Lebih memilukan apabila setiap kali teringat Yuan Bin, saya tidak dapat menahan sebak kerana senyumannya sangat comel dan menenangkan," katanya yang enggan namanya diistarkan.

Terdengar bunyi bising di garaj

Sementara itu, Pengerusi Pasukan Bomba Sukarela Tanjung Sepat, Lim Chin Lee, 57, berkata sebaik mengetahui berita kebakaran itu, beliau terus menghubungi balai bomba terdekat untuk bantuan.

"Sementara menunggu anggota bomba tiba, saya menggerakkan kira-kira 20 anggota bomba sukarela lain," katanya sambil menambah, ada penduduk memaklumkan mengenai video seorang mangsa sempat menyelamatkan diri.

Menerusi video itu, katanya, kanak-kanak lelaki berkenaan memaklumkan terjaga dari tidur kira-kira jam 3 pagi kerana terdengar bunyi bising dari garaj kereta dan ternampak dua lelaki bertopeng.

"Menurut kanak-kanak itu, dia nampak kepala datuk dan neneknya berdarah lalu lari bersembunyi di dalam tandas kerana takut. Dia kemudian keluar apabila terhidu bau asap dan lari ke rumah bapa saudaranya tidak jauh dari situ," katanya.



Isnin lalu saya lalu di depan rumah Tee Nang, namun hanya bunyikan hon kereta dan lambai tangan ke arahnya. Tak sangka itu kali terakhir saya melihatnya, agak terkilan tidak dapat bertegur sapa dengan mereka"

Datuk saudara



Anggota bomba dan forensik kebakaran memeriksa tempat kejadian di sebuah rumah di Tanjung Sepat, Banting, semalam.

4 sekeluarga dibunuh sebelum dibakar

➔ Ada kesan tetapan pada badan tiga mangsa: Polis

Oleh Norrasyidah Arshad dan Nursyahirah Marzuki
bhnews@bh.com.my

► Banting

Empat mayat yang ditemui terbakar di sebuah rumah di Jalan Tepi laut, Tanjung Sepat, dekat sini semalam, dipercayai dibunuh sebelum rumah mereka dibakar dan musnah sepenuhnya.

Mereka yang maut dalam kejadian kira-kira jam 6 pagi itu, dikenal pasti sebagai Chia Tee Nang, 73, dan isteri, Lim Mai Shak, 68, serta cucu mereka, Chia Yuan Bin, 3, dan Ryan Chia Zeng Xi, 10.

Mayat pertama ditemui jam 6.43 pagi, kedua pada jam 6.47 pagi, manakala mangsa ketiga dan keempat ditemui pada jam 6.58 pagi.

Ketua Siasatan Jenayah Selangor, Senior Asisten Komisiner Fadzil Ahmet, berkata siasatan awal mendapati ada kesan tetapan pada badan tiga daripada empat mangsa itu.

Namun, katanya, polis masih menyiasat kes berkenaan mengikut Seksyen 302 Kanun Keseksaan dan menunggu hasil bedah siasat untuk menentukan punca sebenar kematian.

Ambil keterangan ahli keluarga

"Siasatan awal bomba mendapati ada unsur khianat. Kita boleh sahkan mangsa dibunuh sebelum dibakar dan polis akan mengambil keterangan ahli keluarga mangsa berhubung kes ini," katanya, semalam.

Sementara itu, Ketua Polis Daerah Kuala Langat, Superinten-



Ahli keluarga melihat keadaan rumah mangsa.



Seorang kanak-kanak berusia 12 tahun terselamat dan tidak cedera, masih trauma dengan kejadian meragut nyawa ahli keluarganya"

Azizan Tukiman,
Ketua Polis Daerah
Kuala Langat

dan Azizan Tukiman, berkata seorang kanak-kanak berusia 12 tahun terselamat dan tidak cedera, masih trauma dengan kejadian meragut nyawa ahli keluarganya.

"Kanak-kanak berkenaan ditempatkan di Hospital Banting untuk rawatan susulan sebelum kami mengambil keterangan," katanya ketika ditemui di lokasi kejadian, semalam.

Masih kumpul bukti

Pengarah Jabatan Bomba dan Penyelamat Selangor, Azmi Osman pula berkata, unit forensik kebakaran dibantu unit anjing pengesanan (K9) masih mengumpul bukti untuk mengenal pasti punca kebakaran.

"Mayat ditemui di lokasi berbeza. Mayat dipercayai datuk dan nenek kepada dua lagi mangsa ditemui di ruang tamu, manakala mayat kanak-kanak berusia tiga dan 10 tahun, masing-masing ditemui di bilik tidur berasingan," katanya.

(FOTO DAWN CHAN/BH)